



iaitu satu unit di lobi Ibu Pejabat MBPJ, satu unit di kaunter pandu lalu, dua unit di lobi Menara MBPJ dan satu unit di Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara, Kota Damansara.

Selain itu, kaunter pandu lalu (*drive thru*) juga turut dibuka bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan yang berurusan dengan MBPJ. Diharapkan dengan adanya penyediaan pelbagai saluran/medium perkhidmatan pelanggan ini dapat memudahkan orang ramai khususnya penduduk Petaling Jaya berurusan dengan Majlis dengan selesa dan fasiliti yang lebih kondusif.

Untuk terus berinteraksi, orang ramai amat digalakkan bersama MBPJ di media sosial rasmi MBPJ iaitu di Facebook; Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Instagram dan twitter; pjcitycouncil serta laman sesawang MBPJ www.mbpj.gov.my.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (14)

Tarikh: 6 November 2022

2,000 PENGUNJUNG HADIR MEMERIAHKAN PJ CAR FREE DAY 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan lagi usaha untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandar Raya Hijau dan Mampan dengan menganjurkan program PJ Car Free Day 2022, yang diadakan di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, Seksyen 52 Petaling Jaya.

Tujuan program ini diadakan untuk memacu Petaling Jaya ke arah bandaraya bebas dari asap kenderaan bermotor dan rendah karbon serta membantu penduduk dalam menjalani kehidupan yang sihat melalui aktiviti – aktiviti kecerdasan. Ia juga merupakan antara usaha pemeliharaan tenaga dan sumber bagi mengurangkan penggunaan kenderaan supaya dapat mengawal pencemaran udara di bandar selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan penggunaan karbon secara holistik.

Selain itu, program ini juga selaras dengan Konsep 10 Program Berimpak Tinggi (10 Thematic Project) yang disusun oleh Majlis dalam pelan pembangunan bandar yang memberi fokus kepada pengurangan perlepasan karbon dalam udara disamping menonjolkan imej Majlis sebagai sebuah Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @PJSSR2030 yang sentiasa prihatin dan mengambil tanggungjawab terhadap penduduk setempat.

Seramai 2000 orang pengunjung dan peserta yang menyertai program kali ini Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Larian **Dash Hero Run** kerjasama MBPJ dan KUPTM, pertandingan permainan tradisional seperti boling kelapa, congkak, dam ular, batu seremban dan sepak raga. Disamping itu, acara-acara lain yang turut disediakan ialah aktiviti kesihatan seperti Kempen Derma Organ, Saringan Kesihatan Percuma, Aktiviti 3R, Jualan Car Booth Sale dan Busking.

Bagi menarik minat kanak-kanak pula pelbagai aktiviti telah disusun antaranya Pertandingan Mewarna, Kereta Mainan Kanak-Kanak, Soopa Doopa, Aktiviti Fun Fair (Fun Games), Bubble Ballon, Mobile Library, Aktiviti Santai Berbasikal dan Pertandingan Push Bike.

Majlis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada masyarakat terutamanya penduduk Petaling Jaya yang hadir memeriahkan dan menyokong usaha Majlis untuk mencapai matlamat Bandar Raya Berkarbon Rendah, Hijau dan Bebas Halangan. Diharapkan melalui penganjuran program seumpama ini dapat memberi galakan kepada masyarakat setempat untuk lebih mengutamakan penggunaan kemudahan pengangkutan awam, berbasikal, dan lain-lain inisiatif yang mesra alam sekitar.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (15)

Tarikh: 8 November 2022

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DAN KESATUAN RAGBI SELANGOR MENGUMUMKAN TARIKH PENGANJURAN EDISI SULUNG KEJOHANAN RAGBI LELAKI BAWAH 16 TAHUN 10S 2022

PETALING JAYA, 8 November - Penganjuran sulung kejuaraan ragbi Majlis Bandaraya Petaling Jaya – Kesatuan Ragbi Selangor (MBPJ-KRS) Lelaki Bawah 16 tahun (U16) 10s mencipta penanda aras tersendiri setelah 14 pasukan pembangunan dari 8 daerah di dalam negeri Selangor telah mengesahkan penyertaan bagi perebutan Piala Datuk Bandar Petaling Jaya yang menjadi prestij kejuaraan ini.

Malah penganjuran ini juga turut mencipta penanda aras tersendiri untuk turut disertai oleh dua pasukan pusat latihan negeri dan dua pasukan pusat latihan daerah dan dua pasukan jemputan untuk turut sama berentap di Padang Astaka, Petaling Jaya bermula pada 12 sehingga 13 November ini.

Menurut Setiausaha Kehormat Kesatuan Ragbi Selangor (KRS) Tan Thiam Jin, kejohanan yang mempertaruhkan format pertandingan 10 sepasukan ini adalah dalam usaha untuk memartabatkan sukan ragbi di negeri Selangor sekaligus mengangkat sebarang program pembangunan dari peringkat akar umbi yang telah berlangsung ke peringkat yang lebih tinggi lagi secara kompetitif buat setiap pasukan mahupun atlet itu sendiri.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya Tuan Mohamad Azhan Md Amir yang sentiasa menyokong sebarang usaha program pembangunan sukan ragbi di negeri Selangor ini sejak sekian lama.

"Penganjuran kejohanan ini merupakan platform serampang dua mata buat KRS selaku pemegang taruh utama sukan ragbi di negeri ini untuk mengenal pasti pemain-pemain berbakat untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi lagi khususnya bagi persediaan awal pasukan ke temasya Sukan Malaysia (SUKMA XXI) pada 2024 nanti. Begitu juga pada kejohanan Majlis Sukan

Sekolah Malaysia (MSSM) bawah 18 tahun pada tahun hadapan yang juga merupakan di antara kejuaraan berprestij peringkat kebangsaan bagi pasukan pembangunan di peringkat Sekolah.

Melalui penganjuran MBPJ-KRS Lelaki Bawah 16 tahun (U16) 10s ini, kami berharap ianya dapat merapatkan jurang pendedahan di antara peringkat usia bawah 16 tahun dari peringkat sekolah dan bawah 21 tahun bagi persediaan pasukan ke temasya SUKMA. Juga melalui penganjuran kejohanan ini juga memberi pendedahan berintensi tinggi buat setiap pasukan berikutan ketandusan penganjuran kejohanan ragbi yang menyasarkan peringkat usia tersebut." ujar Tan Thiam Jin.

Beliau juga turut menzahirkan penghargaan kepada Kelab Ragbi COBRA yang menawarkan fasiliti padang bagi kejohanan selama dua hari ini, Torpedo Resources selaku penaja kelengkapan pakaian bagi pegawai-pegawai kejohanan, Scaffold Master Sdn Bhd yang menaja kelengkapan platform scaffolding dan juga Big Belly Media yang turut hadir selaku penyiar rasmi bagi perkhidmatan penstriman video dalam talian(live streaming).

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya Tuan Mohamad Azhan Md Amir juga turut menjelaskan prestasi semasa pasukan ragbi Selangor pada peringkat usia ini menjadi pencetus bagi penganjuran sulung kejohanan ini sebagai menjadi satu platform momentum persediaan pasukan ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

"Pada penganjuran temasya SUKMA 2022 yang baru melabuhkan tirai, pasukan ragbi lelaki dan wanita Selangor berjaya mencipta sensasi temasya itu setelah membuat kejutan mara ke pusingan akhir untuk merangkul pingat perak buat Selangor. Juga bagi kejohanan di peringkat MSSM pada tahun ini juga Selangor berjaya menaiki podium untuk meraih pingat gangsa sekaligus menjadi penanda aras terbaik bagi meneruskan sebarang program pembangunan yang telah berlangsung.

"MBPJ juga sentiasa menyokong sebarang usaha bagi mempromosi gaya hidup sihat di kalangan belia dan pelbagai peringkat usia dalam komuniti di bandaraya Petaling Jaya ini. MBPJ juga tidak hanya berfungsi selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata malah turut hadir selaku penganjur acara sukan seperti PJ Half Marathon yang menjadi ikonik gaya hidup sihat buat bandaraya ini begitu juga turut terlibat dalam pelbagai lagi program

pembangunan sukan di peringkat pembangunan seperti bola sepak, bola jaring, badminton, sepak takraw dan olahraga yang turut disertai oleh tenaga kerja kami.

"Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga telah dilantik sebagai Bapa Angkat oleh Majlis Sukan Negeri Selangor semasa temasya SUKMA 2022 bagi sukan tenis, berbasikal dan hoki baru-baru ini.

"Terkini, sukan ragbi melengkapkan lagi sukan-sukan yang menjadi perhatian buat kami khususnya melalui sokongan bagi program-program pembangunan yang akan berlangsung. Sehingga kini MBPJ bersama KRS juga turut merangka program pembangunan sukan ragbi untuk dikembangkan ke daerah Petaling Utama yang dijangka bermula pada tahun hadapan. Hasrat ini adalah untuk memberi peluang pada belia dari lain-lain daerah dalam bandaraya ini untuk berpeluang ke peringkat yang lebih tinggi lagi bagi mewakili negeri Selangor.

"Melalui program pembangunan yang lebih menyeluruh di dalam bandaraya ini sudah pasti akan memberi peluang sama rata buat belia-belia mahupun atlet itu sendiri untuk dinilai oleh jawatankuasa Sekolah Sukan Negeri Selangor bagi persediaan pasukan MSSS U18 dan juga persediaan pasukan ke pentas temasya SUKMA yang dinilai oleh barisan jurulatih-jurulatih dari Kesatuan Ragbi Selangor.", ujar Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya Tuan Mohamad Azhan Md Amir.

Tuan Mohamad Azhan Md Amir juga menzahirkan agar inisiatif yang diambil oleh MBPJ ini turut mendapat perhatian oleh lain-lain PBT di dalam negeri ini dan juga lain-lain organisasi mahupun entiti korporat di luar sana untuk turut sama menyokong dan membantu dari segi penajaan bagi program pembangunan sukan ragbi dari peringkat akar umbi ini.

Juga melalui program pembangunan sukan ragbi ini juga secara tidak langsung menjadi platform terbaik untuk mempromosikan bandaraya Petaling Jaya sebagai salah satu destinasi pelancongan sukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Bandaraya Petaling Jaya khususnya Padang Astaka sememangnya sinonim dengan pengajuran kejohanan ragbi bertaraf antarabangsa sejak sekian lama sekaligus meletakkan perkembangan ini di landasan terbaik buat MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai pusat kecemerlangan sukan ragbi.

Kejohanan MBPJ-KRS Lelaki Bawah 16 tahun (U16) 10s yang berlangsung pada 12 sehingga 13 November ini akan disiarkan secara langsung di laman Youtube dan Facebook Selangor Rugby oleh Big Belly Media.

Para peminat-peminat dan penyokong sukan ragbi tanah air juga turut dijemput untuk hadir ke Padang Astaka bagi memberi sokongan moral kepada pemain-pemain muda yang kian meningkat naik ini. Tiada sebarang bayaran tiket dikenakan, masuk adalah percuma.

TENTANG MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merupakan kerajaan tempatan yang mentadbir Bandaraya Petaling Jaya, Selangor. Majlis ini berfungsi untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk. Ia juga bertanggungjawab pada kesihatan dan sanitasi awam, pengurusan dan pembuangan sampah, perancangan bandar, perlindungan dan kawalan alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sosial, pengurusan lalu lintas dan penyelenggaraan umum bagi infrastruktur bandar

TENTANG KESATUAN RAGBI SELANGOR (KRS)

Kesatuan Ragbi Selangor(KRS) merupakan di antara ahli pengasas yang telah membentuk gabungan Kesatuan Ragbi Malaysia (kini dikenali sebagai Malaysia Rugby) selaku badan induk sukan ragbi tanah air sejak 1921 bersama daerah Ipoh, Singapura, Melaka dan Negeri Sembilan ketika itu. Selain merupakan diantara kuasa besar kejuaraan di peringkat kebangsaan, KRS juga aktif mewujudkan program pembangunan di peringkat akar umbi dan turut menyumbang pemain-pemain negeri ini untuk beraksi bersama pasukan kebangsaan dan juga turut menyumbang tenaga kerja untuk Malaysia Rugby.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (16)

Tarikh: 17 November 2022

PETALING JAYA INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL 2022

Petaling Jaya International Folklore Festival (PJ FOLKLORE) 2022 kali ke-7 ini merupakan festival tahunan anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang akan diadakan pada 28 November hingga 4 Disember 2022 bertempat di Dataran Petaling Jaya dan Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya. Festival ini menyasarkan penyertaan peserta dan pengunjung seramai 30,000 orang. Ia juga merupakan usaha sama di antara MBPJ dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), International Council of Organizations of Folklore Festivals and Folk Arts (CIOFF Malaysia) dan Tourism Selangor.

PJ Folklore 2022 ini merupakan salah satu usaha dan inisiatif bagi mempromosikan Bandar Raya Petaling Jaya sebagai sebuah Kota Seni dan Destinasi Pelancongan Antarabangsa selain menghidupkan kawasan Seksyen 52. Selain itu, ia juga selaras dengan pelaksanaan Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR2030), ia juga merupakan salah satu agenda menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya mampan. Festival ini mengetengahkan konsep kepelbagaian, keunikan, keharmonian, kesenian rakyat, budaya komuniti tempatan dan antarabangsa, perkongsian ilmu dan ketamadunan negara-negara serta memupuk kasih sayang dan cintakan budaya negara-negara lain.

Pelbagai acara menarik akan dianjurkan antaranya melibatkan persembahan kebudayaan dan pameran busana tradisional daripada 8 buah negara antarabangsa iaitu Indonesia melibatkan dua kumpulan dari Bandung dan Kalimantan, Korea Selatan, Filipina, Thailand, Mexico, Sri Lanka, Jepun dan Uzbekistan. Manakala 10 buah negeri di Malaysia iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Johor.

PJ Folklore 2022 melibatkan 31 program secara percuma seperti PJ Fight Night (MMA), Pocket Show, Asian Food Festival, Pameran Busana & Jualan Pelbagai, Wayang Kulit (Pok Chu), Dikir Barat (Issey), Persembahan Kebudayaan Antarabangsa, Konsert WINGS Ceritera Rakyat dan lain-lain.

Orang ramai amat digalakkan untuk terus berinteraksi, bersama MBPJ di media sosial rasmi MBPJ iaitu di Facebook; Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Instagram dan twitter; pjcitycouncil serta laman sesawang MBPJ www.mbpj.gov.my.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695